



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AMIR BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR),
PELANCARAN PENGGUNAAN APLIKASI SPOT-ME DAN
SAMBUTAN 2.9 JUTA JAM BEKERJA TANPA KEMALANGAN
DI JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)
SARAWAK**

**13 OKTOBER 2021 (RABU)
HOTEL HILTON, KUCHING
11.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

YBrs. Ir. Dr. Nor Halim bin Hasan

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak (JKKP Sarawak)

YBrs. Tuan Mohamad Zaki Hassan

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Sarawak (SPRM Sarawak)

YBrs. Tuan Mohamad Anuardi bin Hajani

Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia,
Wilayah Sarawak (MAMPU Sarawak)

YBrs. Tuan Mut anak Sagai

Timbalan Pengarah (Operasi) JKKP Sarawak

Seterusnya, seluruh warga kerja Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinnya jua, kita dapat bersama-sama di **Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Pelancaran Penggunaan Aplikasi SPOT-Me dan Sambutan 2.9 Juta Jam Bekerja Tanpa Kemalangan** di JKPP Sarawak.

2. Apa khabar seluruh warga kerja JKPP Sarawak? Saya dimaklumkan pada hari ini majlis diadakan secara hibrid dengan kehadiran semua pejabat cawangan JKPP di seluruh Sarawak. Saya berharap semua berada dalam keadaan selamat

dan sihat, tidak kiralah yang berada di pejabat Kuching, cawangan Bintulu, cawangan Miri dan cawangan Sibul.

3. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak atas penganjuran majlis yang amat penting dan bermakna ini. Di kala seluruh dunia dan negara masih bertungkus-lumus mendepani cabaran penularan wabak COVID-19, JKPP terus bergerak ke hadapan, memperbaharui ikrar integriti yang pernah dilafazkan sebelum ini, menerapkan budaya kerja baharu yang lebih berinovasi, produktif, selamat dan sihat dalam menggalas amanah serta tanggungjawab yang diberi.

4. Ini jelas menunjukkan kesungguhan kepimpinan JKPP Sarawak yang diterajui oleh YBrs. Ir. Dr. Nor Halim bin Hasan dalam memastikan usaha ke arah

memantapkan budaya berintegriti, mendigitalkan perkhidmatan dan tadbir urus sekaligus meningkatkan produktiviti jabatan.

5. Adalah diharapkan agar hari ini akan menjadi detik yang bersejarah buat semua warga JKKP dan saya berbangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh pihak jabatan dalam menambah baik dan memodenkan tadbir urus jabatan, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara yang sedang bergerak dan beralih ke fasa endemik.

IKRAR BEBAS RASUAH

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

6. Saya difahamkan Ikrar Bebas Rasuah hari ini bukanlah yang pertama bagi JKKP. Ia merupakan usaha berterusan JKKP untuk menzahirkan akujanji kepada komitmen individu dalam pembanterasan rasuah tidak kira apa jua aktiviti dan perkhidmatan jabatan.

7. Kita sebagai pemimpin, ketua jabatan, ketua bahagian dan ketua seksyen malahan sebagai ketua keluarga sekalipun, perlu sedar bahawa setiap hari, setiap waktu dan ketika, kita akan berhadapan dengan tugas yang terdedah dengan risiko

jenayah rasuah. Apatah lagi agensi penguatkuasa seperti JKKP, pasti akan sentiasa berhadapan dengan risiko yang besar dalam menggalas amanah menguatkuasakan akta dan perundangan di bawah bidang kuasa jabatan.

8. Mungkin ia berlaku tanpa kita sedar kerana rasuah mungkin dan boleh berlaku tanpa melibatkan duit, tetapi melalui perkara yang lain seperti penerimaan sumbangan, penajaan program diperingkat kelab atau pun jabatan, hadiah dan sebagainya.

9. Setiap hari, banyak kita lihat dan baca di media massa berkaitan tangkapan dan pendakwaan oleh pihak SPRM berkaitan jenayah rasuah dalam kalangan penjawat awam sehingga ada yang membabitkan jutaan ringgit. Ia bukan sahaja

melibatkan pegawai peringkat atasan malah turut membabitkan kumpulan pelaksana.

10. Hal ini masih berlaku. Walhal, semua orang mengetahui bahawa perbuatan rasuah. Ia bukan sahaja salah di sisi undang-undang malah ia sangat ditegah dengan keras dalam agama. Perbuatan rasuah juga akan mencalarkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat kepada sesuatu organisasi.

11. Justeru, saya sentiasa berharap dan mendoakan agar bukan sahaja JKPP, malah kita semua dapat menjauhkan diri dari melakukan sebarang perlakuan rasuah selama mana kita bertugas sebagai penjawat awam.

PENGGUNAAN APLIKASI SPOT-ME

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

12. Tahniah saya ucapkan kepada JKPP Sarawak kerana telah bergerak selangkah di hadapan dengan mengaplikasikan SPOT-Me, Sistem Kehadiran Bertugas secara elektrok di jabatan dan semua pejabat cawangannya. Saya difahamkan **JKPP merupakan jabatan yang terawal mengguna pakai Aplikasi SPOT-Me di Sarawak secara sepenuhnya**, selain daripada pihak MAMPU sendiri. **Di JKPP Malaysia sendiri, JKPP Sarawak adalah jabatan pertama yang mengguna pakai aplikasi SPOT-Me ini.**

13. Sesungguhnya, mengadaptasi dan bergerak mengikut arus perubahan dan perkembangan teknologi memerlukan komitmen dan keberanian. Tanpa komitmen, keberanian dan kesediaan untuk belajar dan berubah ke aras lebih baik, adalah amat sukar untuk sesebuah organisasi berkembang dan kekal relevan.

14. Pendekatan seperti inilah yang kita perlukan dalam perkhidmatan awam. Dalam mendepani pandemik COVID-19, tidak dinafikan agak sukar untuk memantau keberadaan kakitangan di bawah seliaan, khasnya jika Bekerja Dari Rumah (BDR) atau di bertugas rasmi di lapangan. Namun dengan adanya aplikasi elektronik yang dibangunkan oleh MAMPU bagi kemudahan agensi kerajaan, maka adalah lebih mudah untuk sesuatu agensi menguruskan kehadiran kakitangannya.

15. Sesungguhnya, semua pihak adalah komited untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terjejas melalui SOP dalaman yang dibangunkan serta pemantauan kehadiran kakitangan yang berkesan dan optimum.

16. Tahniah kepada pihak MAMPU yang menerajui usaha memodenkan perkhidmatan awam dan sentiasa bersedia membantu agensi-agensi kerajaan dalam mendigitalkan perkhidmatan dan tadbir urus mereka. Semoga usaha sama seperti ini akan terus terjalin dalam kalangan agensi dan seterusnya mengharumkan nama perkhidmatan awam.

PENCAPAIAN 2.9 JUTA JAM TANPA KEMALANGAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada JKKP Sarawak atas **pencapaian 2.9 juta jam bekerja tanpa kemalangan**. Seperti yang dimaklumkan oleh Pengarah JKKP Sarawak sebentar tadi, rekod ini adalah **mulai tahun 2014 sehingga September 2021**. Ia bukanlah sesuatu yang dapat dicapai tanpa usaha dan perancangan rapi dilakukan. Ini kerana ia mengambil kira waktu bekerja selamat yang melibatkan **bukan sahaja kakitangan JKKP di seluruh Sarawak, malah ia termasuk kontraktor yang dilantik dan bertugas di pejabat-pejabat JKKP Sarawak**.

18. Saya percaya hanya dengan SOP Kerja Selamat dan pembudayaan amalan kerja selamat dan sihat, barulah pencapaian seperti ini dapat dicapai. Saya berharap amalan baik yang ada di JKPP Sarawak dapat dikembangkan ke agensi lain supaya dapat dijadikan contoh dan rujukan bagi meningkatkan kualiti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di pejabat awam sekali gus mengurangkan kes kemalangan di sektor awam.

19. Statistik kemalangan di sektor awam seperti yang disebutkan oleh Pengarah JKPP Sarawak tadi wajar dipandang serius oleh semua agensi kerajaan yang lain. Ini kerana kita tidak mahu kemalangan di tempat kerja menjadi kebiasaan, apatah lagi dengan penularan pandemic COVID-19 yang masih belum reda.

20. Namun, kita sedar inisiatif KKP juga pasti melibatkan implikasi kos kepada sesebuah jabatan atau organisasi. Oleh itu, sebarang perbelanjaan yang melibatkan agenda KKP di sesebuah organisasi wajar dirancang dengan rapi serta diberikan peruntukan sewajarnya bagi memastikan KKP di sektor awam terus diperkasa. Kita tidak harus melihat dan menilai inisiatif ini daripada wang ringgit dan kos semata-matanya, tapi ia juga perlu dilihat sebagai satu pelaburan. Ia penting bagi memastikan modal insan yang merupakan aset negara dapat berkhidmat dengan cemerlang dan dalam keadaan yang selamat dan sihat.

21. Akhir kata, semoga kita semua terus diberikan kesihatan dan kekuatan untuk melaksanakan amanah yang diberikan sebaik yang mungkin. Semoga segala usaha kita untuk memantapkan tadbir urus jabatan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah Taala.

Saya sudah ucapkan saya ini dengan pantun:

**Pergi Kapit Singgah ke Pekan,
Singgah ke pekan membeli lokan,
Syabas DOSH Sarawak saya ucapkan,
Semoga rasuah dapat dielakkan.**

**Sawah padi luas pandangan,
Terbang burung di waktu pagi,
Terima kasih di atas undangan,
Di lain hari berjumpa lagi.**

Sekian. Wabillahitaufik wal hidayah, Wassalamualaikum w.b.t.

Terima kasih.